



Bank Pilihan Anda



UNTUK SIARAN SEGERA

Bank Rakyat, Cenergi SEA Lancar Antara Projek Solar PV Bumbung Terbesar bagi Sektor Kewangan Tempatan

Kuala Lumpur, 26 November 2025 – Bank Rakyat hari ini membuktikan komitmennya terhadap agenda peralihan tenaga negara dengan melancarkan projek pemasangan sistem solar fotovoltai (PV) bumbung di 84 buah cawangannya di seluruh Semenanjung Malaysia.

Pemasangan ini meliputi rangkaian 84 cawangan Bank Rakyat di seluruh Semenanjung Malaysia, membentuk rangkaian penjanaan tenaga bersih teragih (*Distributed Generation*) terbesar dalam kalangan institusi kewangan tempatan dengan jumlah kapasiti terpasang sebanyak 2.3 megawatt-peak (MWp).

Projek ini merupakan hasil kerjasama strategik antara Bank Rakyat dan Cenergi SEA Berhad (Cenergi) di bawah Skim Pemeteran Tenaga Bersih (Net Energy Metering, NEM) yang telah menerima kelulusan kuota Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia.

Pemasangan sistem solar PV bumbung ini susulan daripada Perjanjian Pembekalan Tenaga Boleh Baharu (SARE) yang telah ditandatangani antara Bank Rakyat dan Cenergi SEA. Menerusi perjanjian ini, Cenergi bertanggungjawab melabur, membina, mengoperasi dan menyelenggara sistem solar PV bumbung dan menjual tenaga solar yang terjana kepada Bank Rakyat untuk kegunaan sendiri.

Menerusi inisiatif ini, Bank Rakyat berkata ia berbangga menjadi antara institusi kewangan terawal di Malaysia yang melaksanakan pemasangan solar PV bumbung berskala besar bagi menjana tenaga bersih untuk kegunaan sendiri.

“Projek ini membolehkan 84 cawangan Bank Rakyat di seluruh Semenanjung Malaysia menjana tenaga elektrik sendiri, sekali gus mengurangkan kos elektrik serta menyokong usaha Bank Rakyat menuju kelestarian dan peralihan tenaga negara. Inisiatif ini merupakan satu langkah besar Bank Rakyat dalam menyokong Pelan Peralihan Tenaga Negara yang menyasarkan penjanaan tenaga boleh diperbaharui sebanyak 31% menjelang 2025 dan 40% menjelang 2030,” ujar Bank Rakyat.



Bank Pilihan Anda



Selain pemasangan solar PV, Bank Rakyat turut memperkenalkan kemudahan pengecasan kenderaan elektrik (EV) di Menara Kembar Bank Rakyat sebagai salah satu langkah persediaan ke arah pensijilan Bangunan Hijau (Green Building Index, GBI).

Cenergi, anak syarikat UEM Lestra Berhad merupakan pemaju penyelesaian tenaga lestari terkemuka di Malaysia. Dengan rekod prestasi yang kukuh dan pengalaman dalam pelbagai projek tenaga boleh baharu dan kecekapan tenaga, Cenergi menawarkan sistem solar PV bumbung yang inovatif tanpa kos awal kepada syarikat komersial dan industri untuk membantu mengurangkan kos elektrik serta menyokong pelan kelestarian korporat.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Cenergi, Ir. Kwok Yew Hoe berkata, “Inisiatif tenaga boleh diperbaharui seperti Projek Solar PV Bumbung Bank Rakyat ini bukan sahaja mencerminkan komitmen korporat terhadap agenda kelestarian, malah menjadi penanda aras bagi sektor komersial, khususnya institusi kewangan dalam usaha mendekarbonisasikan operasi harian di Malaysia.”

“Apabila institusi kewangan sebesar Bank Rakyat beralih kepada tenaga hijau, mesej yang disampaikan kepada pasaran adalah jelas iaitu penyelesaian rendah karbon kini menjadi sangat penting dalam keperluan strategik dalam operasi dan perniagaan moden.”

Jelas beliau, projek ini dijangka mengurangkan pembelian tenaga daripada grid sebanyak 3,000 MWh setahun serta menyumbang kepada pengurangan jejak karbon sebanyak 2,300 tan setahun bersamaan dengan pengurangan lebih 500 buah kereta di jalan raya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Pelancaran Projek Solar PV Bumbung Bank Rakyat di Mercu UEM baru-baru ini yang turut dihadiri oleh Ketua Pegawai Eksekutif SEDA Malaysia, Dato’ Hamzah Hussin.

— TAMAT —



Bank Pilihan Anda



Mengenai Bank Rakyat

Bank Rakyat yang ditubuhkan pada 28 September 1954 di bawah Ordinan Syarikat Kerjasama 1948 merupakan bank koperasi Islam terbesar di Malaysia. Sebagai agensi Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), kami komited untuk menyokong misi Kementerian dalam mengukuhkan sektor koperasi sebagai tunjang pertumbuhan ekonomi negara melalui semua usaha dan langkah yang diatur.

Sehingga kini, kami mempunyai 148 cawangan dengan 986 mesin juruwang automatik (ATM) dan mesin deposit tunai (CDM) serta 131 Ar-Rahnu X'Change di seluruh negara. Bank Rakyat juga mengendalikan pusat panggilan yang boleh dihubungi di talian 1-300-80-5454 (Bebas Tol) dan perbankan internet iRakyat di www.irakyat.com.my.

Mengenai Cenergi SEA Berhad

Cenergi SEA Berhad (Cenergi), anak syarikat UEM Lestra Berhad, merupakan penyedia penyelesaian tenaga lestari utama yang memberi tumpuan kepada pengurangan pelepasan karbon melalui projek Tenaga Boleh Diperbaharui (Renewable Energy) dan Kecekapan Tenaga (Energy Efficiency).

Cenergi ialah pembangun dan pengendali loji janakuasa biogas efluen sawit (POME) grid bersambung terbesar di Malaysia, dengan 38 loji janakuasa biogas dengan kapasiti terkumpul sebanyak 62.98 MW, termasuk projek yang masih dalam Pembangunan dan pembinaan.

Selain biogas, Cenergi turut aktif dalam pembangunan dan pengoperasian projek tenaga solar serta inisiatif kecekapan tenaga. Sehingga kini, Cenergi telah membangunkan ladang solar atas tanah (ground-mounted solar farms) dan program solar PV bumbung bagi pengguna komersil dan industri dengan jumlah kapasiti terpasang sebanyak 128.04 MWp. Selain itu, Cenergi juga menjalankan program kecekapan tenaga untuk pengguna seperti kilang, universiti, pusat beli-belah dan hospital terutama yang terlibat di bawah Akta Kecekapan dan Konservasi Tenaga 2009 dengan nilai keseluruhan RM48.3 juta

Setakat September 2025, Cenergi telah menyumbang sebanyak 964 GWh tenaga boleh diperbaharui kepada grid nasional Malaysia serta membantu mengelakkan lebih daripada 4 juta tan pelepasan karbon dioksida setara (CO₂e).

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.cenergi-sea.com.